

**Pilihan Sektor Pekerjaan Dan Faktor Mempengaruhi Pilihan Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar  
Universiti**

*(The Choice of Job and Determining Factors of Job Choices among University Students)*

KALAISELVI A/P KARUNAMURTHI, LAI WEI SIENG\*

*ABSTRAK*

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan universiti merupakan isu yang kian meruncing. Kecenderungan pelajar gemar memilih dalam pemilihan pekerjaan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sektor yang diminati oleh pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Kaedah yang digunakan adalah analisis data primer yang diperoleh melalui borang soal selidik dan responden adalah pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati pelajar cenderung untuk memilih sektor perkhidmatan dan faktor yang mempengaruhi pemilihan adalah gaji; peluang naik pangkat; keselesaan tempat kerja dan faedah sampingan. Selain itu, pelajar cenderung untuk memilih pekerjaan yang 1) menawarkan gaji mengikut tahap pendidikan; 2) pekerjaan yang diminati; 3) dekat dengan kemudahan awam dan 4) dekat dengan rumah. Pelajar juga didapati tidak berminat untuk memilih pekerjaan yang di luar bidang pengajian; pekerjaan yang mencabar; pekerjaan yang menyebabkan tekanan kerja tinggi dan persekitaran pekerjaan yang tidak selesa. Pelajar juga didapati tidak akan dipengaruhi oleh kehendak ibu bapa dalam pemilihan pekerjaan.

Kata kunci: Pemilihan sektor pekerjaan; faktor pemilihan; kecenderungan pelajar

*ABSTRACT*

*The unemployment problem among university graduates is a growing issue. Students' tendency in job selection is one of the factors that contribute to this problem. The objectives of this study are to identify the sectors that the students were interested in and the factors influencing the selection of careers among students. The method used is primary data analysis obtained through questionnaire and the respondents are students of Universiti Kebangsaan Malaysia. The results show that students tend to choose the services sector and the factors that influence the selection are salary; promotion opportunity; workplace comfort and side benefits. Additionally, students tend to choose jobs that 1) offer salary according to the level of education; 2) the job of interest; 3) close to public amenities and 4) close to home. Students are also not interested in selecting jobs outside the field of study; challenging jobs; jobs that cause high working pressure and uncomfortable work environment. Students are also found to be unaffected by parents' expectations in job selection.*

*Key words:* Job sector selection; factors of selection; students' in

## PENGENALAN

Kerjaya merupakan profesi yang menjadi salah satu cara untuk mencari nafkah yang merujuk kepada aktiviti dan peranan yang dimainkan dalam pekerjaan serta kerja yang berkaitan dengan tugas sepanjang hidup (Mohamed Fadzil, 2002). Landskap pekerjaan di Malaysia berubah dengan pesat. Malaysia bakal berubah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan graduan berkebolehan tinggi adalah penting untuk mengerakkan ekonomi negara ke hadapan. Perkembangan ekonomi yang pesat telah menjana pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia pada masa ini. Setiap individu mempunyai pilihan tersendiri dalam memilih kerjaya yang bersesuaian yang boleh memberi jaminan kepada mereka pada masa hadapan. Kerjaya ibarat penentu dalam menentukan sama ada seseorang itu berjaya dalam hidup atau sebaliknya. Setiap individu mempunyai kecenderungan dan minat yang berbeza terhadap sesuatu perkara. Begitu juga dalam pemilihan kerjaya, pilihan yang tepat perlu dibuat supaya tidak menyesal di kemudian hari. Pemilihan kerjaya yang tepat dapat memberikan keseronokan dan kepuasan kepada setiap orang. Sebaliknya, pemilihan kerjaya yang kurang tepat boleh mendatangkan rasa bosan malah boleh memusnahkan masa depan seseorang. Oleh itu, adalah penting bagi seseorang mengambil kira faktor-faktor yang boleh memberikan kebaikan kepada mereka ketika memilih kerjaya yang akan diceburi.

Sifat pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan keinginan dan kepentingan individu. Dengan demikian, iaanya dapat memberi kepuasan semasa bekerja dan dapat mengelakkan daripada berhenti kerja pada masa yang singkat. Pilihan kerjaya merupakan aspek yang penting dalam kehidupan seseorang individu kerana pilihan kerjaya yang akan menentukan peranan seseorang individu dalam masyarakat pada masa hadapan. Situasi ekonomi global yang tidak menentu sedikit sebanyak memberi cabaran kepada golongan graduan atau golongan yang mencari pekerjaan pada tahun 2016. Hal ini kerana, pada tahun 2015 negara kita mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 3.1% dan pada tahun 2016 kadar pengangguran meningkat kepada 3.4%. Oleh itu, setiap pelajar haruslah membuat persediaan awal dalam menghadapi cabaran dunia kini. Jumlah graduan yang menganggur kini semakin meningkat dan menjadi isu yang serius dan menjadi cabaran besar kepada setiap pelajar.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sektor pekerjaan yang akan dipilih dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan sektor pekerjaan di kalangan pelajar UKM. Kajian ini penting supaya pihak universiti boleh mengambil

langkah-langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Sektor yang terlibat adalah Sektor pertama (Pertanian, Perikanan & Perhutanan), Sektor kedua (Pembuatan, Pembinaan & Perindustrian) dan Sektor ketiga (Pengangkutan dan Perhubungan; Pelancongan; Kewangan; Insurans; Hartanah dan Perkhidmatan perniagaan & Perkhidmatan kerajaan). Faktor ekonomi, sosial dan demografi merupakan faktor utama yang akan menentukan hala tuju kehidupan seseorang individu. Bahagian dua merupakan kajian-kajian lepas yang berkaitan, Bahagian 3 menerangkan metodologi yang digunakan, Bahagian 4 membincangkan hasil kajian dan bahagian terakhir adalah rumusan dan kesimpulan.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Maziah (2005), kajian kecenderungan pemilihan kerjaya di kalangan siswazah memberi maklumbalas tentang faktor-faktor yang mendorong siswazah membuat keputusan mengenai pemilihan kerjaya dan majikan pilihan. Hasil kajian selari dengan pandangan oleh pengkaji barat tentang kepentingan hieraki keperluan dalam menentukan sikap dan persepsi individu dalam mendapat pekerjaan tanpa mengira majikan. Golongan siswazah lebih mengutamakan faktor-faktor kestabilan kerja berbanding dengan faktor pencapaian kejayaan. Menurut kajian Mohd Helmi Ali, Norhidayah Suleiman dan Mohammad Azrul Tajuddin (2016) tentang faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan terdapat 6 faktor penting yang berbeza dalam pemilihan kerjaya. Kajian ini bertumpuan untuk mengkaji perbezaan faktor-faktor pemilihan kerjaya dari segi demografi, jantina, dan bangsa serta bidang pekerjaan. Keputusan analisis menunjukkan faktor pemilihan kerjaya dikalangan jantina menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding pemilihan berdasarkan aspek bangsa.

Kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun dua sarjana muda teknologi serta pendidikan dilakukan oleh Yahya dan Khodijah (2010). Antara faktor yang dikaji adalah faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor ganjaran. Kajian tersebut membuktikan faktor ganjaran mempengaruhi responden dalam memilih profesion perguruan sebagai kerjaya. Melalui tinjauan ke atas firma terpilih di sektor perkilangan dalam amalan pengambilan dan pemilihan pekerja oleh Zafir Mohamed Makbul dan Fazilah Mohamad Hasun (2007), didapati bahawa kaedah utama pengambilan pekerja ialah kaedah pengiklanan.

Manakala kaedah yang paling kurang digunakan ialah perkhidmatan agensi-agensi pencarian pekerjaan. Cabaran utama yang dihadapi oleh firma responden adalah kos pengambilan dan pemilihan pekerja.

Menurut kajian Suhaila Nadzri (2015) tentang faktor keluarga, ganjaran, dan kesukaran memperoleh pekerjaan dalam mempengaruhi kerjaya yang diceburi oleh alumni Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), faktor pengaruh dari keluarga paling mempengaruhi kerjaya yang diceburi oleh alumni KUIS berbanding dua faktor yang lain yang dikaji. Ini jelas menunjukkan ibubapa mampu mempengaruhi seseorang individu dalam membuat sesuatu keputusan termasuk keputusan dalam memilih kerjaya. Seterusnya, kajian terdahulu oleh Rohany Nasir (1980) ke atas pelajar universiti dengan menggunakan Occupational Interest Inventory (OII) menunjukkan hubungan yang signifikan antara jantina dan minat kerjaya. Ia juga menyokong kajian-kajian lepas dimana pelajar perempuan lebih berminat dalam kerjaya yang berkaitan dengan pertuturan manakala pelajar lelaki pula berminat dalam kerjaya yang menggunakan mesin, bidang sains dan teknologi serta perniagaan. Chan Mee Yee (1985) membuat perbandingan minat kerjaya di kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Terdapat 160 responden dan 80 orang pelajar Melayu dan 80 orang pelajar Cina. Kajian ini membuktikan bahawa pelajar Cina lebih berminat dalam bidang perniagaan, sains dan mekanikal manakala pelajar Melayu lebih berminat terhadap bidang personal, sosial dan kesenian. Faktor persekitaran juga mempengaruhi minat kerjaya dalam kalangan pelajar. Menurut Crites (1969), perubahan budaya dan sub budaya di tempat tinggal seseorang pelajar boleh mempengaruhi minatnya terhadap sesuatu kerjaya. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Bloom (1979). Bloom mendapati perkembangan sesuatu bidang di dalam sesuatu masyarakat boleh mempengaruhi minat kerjaya di kalangan ahli masyarakat. Sirgy (2001) menyatakan bahawa dimensi pembangunan individu mempunyai perkaitan yang signifikan terhadap komitmen kepuasan persekitaran organisasi atau pekerjaan. Menurut kajian Mc Murray, Scott dan Pace (2004) dan Bhola (2006), persekitaran organisasi mempunyai hubungan yang positif dengan kepuasan kerja kerana ia akan menggambarkan bahawa pekerja mengambil berat sama ada persekitaran organisasi menyumbang kepada pelaksanaan tugas yang dilakukan dan dapat mencapai penetapan objektif dan piawaian kerja jabatan.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang boleh diukur melalui proses pengukuran dan maklumat atau data yang diperoleh dari soal selidik. Kajian kuantitatif ini bermatlamat untuk mendapatkan maklum balas secara langsung dan mengumpul maklumat-maklumat yang daripada responden yang terlibat dalam mementukan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan sektor pekerjaan. Dengan penggunaan pendekatan kuantitatif dalam kajian ini, dapat menghasilkan satu penemuan yang sah dan dipercayai. Perisian computer SPSS akan digunakan untuk memproses dan menganalisis data yang diperloehi.

Populasi kajian bagi kajian ini adalah pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terdiri daripada 8 buah fakulti iaitu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK); Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB); Fakulti Teknologi Sains Maklumat (FTSM); Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP); Fakulti Sains dan Teknologi (FST); Fakulti Undang-Undang (FUU); Fakulti Pendidikan Islam (FPI) dan Fakulti Pendidikan (FPEND). Kajian ini menggunakan pensampelan kelompok untuk pemilihan fakulti. Menurut Roger Bougie (2010), pensampelan yang mengumpulkan responden dalam satu kajian harus terdiri daripada satu kawasan geografi yang sama. Oleh itu, kajian ini mengkhususkan kepada pelajar-pelajar yang berada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Setelah membuat pemilihan, langkah seterusnya adalah pemilihan responden menggunakan pensampelan pertimbangan. Pensampelan pertimbangan ini digunakan untuk memilih responden yang memenuhi kriteria responden.

Kajian ini menggunakan data primer. Oleh itu, satu set soal selidik direka sebagai instrumen bagi mengkaji mendapatkan data. Dari segi pembentukan soalan, teknik soalan tertutup digunakan. Teknik ini dipilih bagi memudahkan responden membuat pilihan jawapan yang tepat. Borang soal selidik ini mengandungi soalan berbentuk objektif di mana responden boleh memilih jawapan berdasarkan pilihan yang telah diberikan. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Semua pertanyaan yang dikemukakan dalam set borang soal selidik ini telah diubahsuai dan berdasarkan sumber kajian beberapa penyelidik dan buku.

Skala Likert 1 hingga 5 digunakan untuk megukur maklum balas responden. Skala Likert sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia mudah untuk menjawab dan mudah untuk dianalisis. Skala Likert lebih mudah dibuat daripada skala lain seperti Thurstone. Selain itu, kebolehpercayaan pengukuran

boleh diperolehi dengan bilangan item yang dijelaskan. Oleh kerana jangka masa menjawab yang lebih panjang, skala Likert dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pendapatan atau sikap responden mengenai isu yang dipersoalkan.

Kaedah rawak mudah digunakan sebagai kaedah persampelan. Borang soal selidik ini diedarkan melalui kaedah google form kepada pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penganalisisan data bagi borang soal selidik ini adalah dengan menggunakan kaedah kekerapan iaitu dengan mengira kekerapan sesuatu soalan itu dijawab oleh responden melalui perisian SPSS. Menurut Sabitha Merican (2006), ciri-ciri item soal selidik yang baik adalah penggunaan bahasa yang mudah, soalan yang mudah difahami, soalan yang tidak mempengaruhi pemilihan responden, soalan yang bukan bersifat dwi maksud, soal selidik yang terlalu panjang, soalan yang jelas, dan soalan yang tidak berarah.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Deskripsi responden dilaporkan dalam Jadual 1. Kajian ini melibatkan seramai 80 responden di mana 50% adalah pelajar lelaki dan 50% adalah pelajar perempuan. Kedua-dua jantina ini mewakili lapan buah fakulti yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, seramai 32% responden terdiri daripada pelajar bangsa melayu, 42% terdiri daripada bangsa india, 24% daripada bangsa cina dan 2% daripada bangsa lain-lain. Daripada kajian ini, didapati bahawa majoriti ibu bapa responden bekerja di sektor ketiga iaitu sebanyak 52%. Peratus ibu bapa responden yang bekerja dalam sektor pertama pula adalah paling rendah iaitu sebanyak 12% dan 35% ibu bapa responden adalah bekerja dalam sektor kedua.

JADUAL 1. Statistik latar belakang responden

	Kekerapan (n)	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	40	50
Perempuan	40	50
<b>Bangsa</b>		
Melayu	24	32
India	31	42
Cina	18	24
Lain-lain	7	2
<b>Pekerjaan Ibu Bapa</b>		
Sektor pertama	10	12
Sektor kedua	29	35
Sektor ketiga	44	53

Jadual 2 melaporkan peratusan sektor pekerjaan yang diminati oleh responden. Sektor pertama mempunyai peratusan responden yang paling rendah iaitu sebanyak 6% dengan 5 orang responden. Manakala sektor ketiga mempunyai peratusan yang tinggi iaiti 83% dengan responden seramai 66 pelajar. Ini menunjukkan pelajar UKM lebih cenderung untuk menceburi kerjaya dalam sektor ketiga, iaitu sektor perkhidmatan. Ini adalah keputusan yang dijangka

kerana graduan universiti sememangnya dilengkappan dengan ilmu dan kemahiran untuk pasaran buruh dalam sektor perkhidmatan.

Jadual 3 melaporkan keputusan ujian korelasi Cramer V yang dilakukan untuk menguji kewujudan hubungan antara jantina dan pemilihan sektor pekerjaan. Keputusan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan pemilihan sektor pekerjaan. Keputusan ini bertentangan dengan

Rohany Nasir (1980). Ini menunjukkan kesamarataan antara jantina semakin diterima umum.

Jadual 4 seterusnya menunjukkan keputusan analisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan sektor pekerjaan oleh responden. Nilai purata adalah dalam julat 1 hingga 5. Nilai yang menghampiri 5 bermaksud amat setuju manakala nilai yang menghampiri 1 bermakna tidak setuju. Berdasarkan Jadual 4, responden bersetuju bahawa faktor gaji; peluang naik pangkat; keselesaan tempat kerja dan faedah sampingan mempengaruhi pemilihan pekerjaan

(nilai min 4 ke atas). Selain itu, pelajar cenderung untuk memilih pekerjaan yang 1) menawarkan gaji mengikut tahap pendidikan; 2) pekerjaan yang diminati; 3) dekat dengan kemudahan awam dan 4) dekat dengan rumah. Sementara itu, hasil kajian juga menunjukkan pelajar tidak bermotivasi untuk memilih pekerjaan yang di luar bidang pengajian; pekerjaan yang mencabar; pekerjaan yang menyebabkan tekanan kerja tinggi dan persekitaran pekerjaan yang tidak selesa. Pelajar juga didapati tidak akan dipengaruhi oleh kehendak ibu bapa dalam pemilihan pekerjaan.

**JADUAL 2.** Peratusan sektor pekerjaan yang diminati oleh responden

Sektor Pekerjaan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Sektor pertama	5	6
Sektor kedua	9	11
Sektor ketiga	66	83
Jumlah	80	100

**JADUAL 3.** Ujian korelasi Cramer V

	Value	df	Asymptotic Significant (2-sided)
Pearson Chi-Square	1.442	2	0.486
Likelihood Ratio	1.463	2	0.481
Linear-by-Linear Association	1.008	1	0.315
N of Valid Cases	80		

**JADUAL 4.** Faktor pemilihan sektor pekerjaan

Faktor	Purata	Sisihan Piawai
Gaji	4.163	0.999
Peluang naik pangkat	4.213	0.937
Kerja luar bidang	2.963	1.380
Gaji ikut tahap pendidikan	4.275	0.811
Faedah sampingan	4.488	0.867
Pekerjaan mencabar	3.488	1.125
Tekanan kerja tinggi	2.763	1.425

Tempat kerja kurang selesa	2.288	1.255
Pekerjaan yang diminati	4.525	0.693
Kehendak Ibu bapa	3.275	1.190
Dekat dengan kemudahan awam	4.200	0.973
Dekat dengan rumah	4.263	1.015

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sektor pekerjaan yang menjadi pilihan pelajar dan seterusnya mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan dalam kalangan pelajar UKM. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar cenderung untuk memilih sektor ketiga, iaitu sektor perkhidmatan yang terdiri daripada Pengangkutan dan Perhubungan; Pelancongan; Kewangan; Insurans; Hartanah dan Perkhidmatan perniagaan & Perkhidmatan kerajaan. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan antara jantina dan pemilihan sektor pekerjaan. Situasi ini menunjukkan tidak ada sektor yang cenderung diminati oleh satu-satu jantina. Analisis ke atas faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan mendapati bahawa pekerjaan yang persekitarnya tidak selesa, tekanan kerja tinggi dan bukan bidang pengajiannya tidak diminati oleh pelajar. Pelajar lebih cenderung dengan pekerjaan yang diminati, gaji mengikut tahap pendidikan dan dekat dengan kemudahan awam. Ini merupakan antara punca graduan tidak berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Justeru, pihak universiti perlu memberi kesedaran kepada pelajar supaya tidak terlalu cerewat dalam memilih pekerjaan terutamanya dalam ketika ini pasaran buruh sedang menguncup. Pelajar perlu cepat mengambil apa-apa peluang untuk mendapatkan pengalaman bekerja yang amat berharga. Pelajar pula perlu berfikir rasional sebelum menceburui sesuatu sektor pekerjaan. Hal ini demikian kerana sektor pekerjaan yang diceburinya akan menentukan pendapatan individu dan taraf kualiti hidup. Selain itu, pihak universiti juga haruslah mengadakan program berkaitan bidang pekerjaan di universiti supaya pelajar dapat membuat persiapan awal bagi menghadapi alam pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Sampel dalam kajian ini hanya melibatkan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Oleh yang demikian, kajian yang lebih lanjut boleh dilakukan dengan meluaskan populasi sampel dengan melibatkan universiti-universiti lain yang berlainan taraf seperti universiti awam dan swasta. Daripada kajian yang

menyeluruh, pihak kerajaan dapat mengadakan kempen atau program berkaitan pemilihan sektor pekerjaan bagi pelajar universiti supaya mereka dapat membuat persiapan bagi menghadapi alam pekerjaan selepas tamat pengajian.

## RUJUKAN

- Bhola. 2006. A study of quality of work life in casting and machine. *Shop industry in Kolhapur*. India, 20(1), 202-210.
- Bloom. 1979. Taxonomy of educational objectives: cognitive domain. London. Longman.
- Chan Mee Yee. 1985. Perbandingan minat kerjaya di kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Tesis sarjana muda*.
- Crites. 1969. Vocational psychology: The study of vocational behaviour and development. London: McGraw-Hill.
- Maziah bt Che Yusoff. 2005. Kajian kecenderungan pemilihan kerjaya di kalangan siswazah. *Jurnal Pengurusan Awam* 4. Bilangan 4.
- Mc Murray, Scott & Pace. 2004. *The Relationship between Organizational Commitment and Organization Climate in manufacturing*. Human Resource Development Quarterly. Vol-15, N0.4, Winter.
- Mohamed Fadzil Che Din. 2002. Pengantar bimbingan dan kaunseling. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Mohd Helmi Ali & Norhidayah Suleiman. 2016. Faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar UKM. Satu panduan untuk industri.
- Roger Bougie. 2010. Research methods for business: a skill building approach. UK: John Wiley & Sons.
- Rohany Nasir. 1980. Minat dan proses perkembangan kerjaya: Implikasi terhadap bimbingan kerjaya. *Kertas Seminar Psikologi dan Masyarakat kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Sabitha Marican. 2006. Penyelidikan sains sosial – pendekatan pragmatik. Selangor. Edusystem
- Sirgy. 2001. A new measures of quality of work life (owl) based on need satisfaction and spillover theories. *Social Indicator Research*, 241-303.
- Suhaila Nadzri. 2015. Faktor keluarga, ganjaran, dan kesukaran memperoleh pekerjaan mempengaruhi kerjaya yang diceburi alumni Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Proceeding of the*

*2nd Internatioanal Conference on Management  
and Muamalah.*

- Yahya Buntat & Khodijah Hassan. 2010. Faktor –faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun dua sarjana muda teknologi serta pendidikan. *Fakulti Pendidikan, UTM*. pp. 1-8.
- Zafir Mohamed Makbul & Fazilah Mohamad Hasun. 2007. Amalan pengambilan dan pemilihan pekerja: tinjauan ke atas firma terpilih di sektor perkilangan. *IJMS* 14(2), 143-162.

Kalaiselvi A/P Karunamurthi, Lai Wei Sieng\*

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: laiws@ukm.edu.my

Diserahkan: 11 Oktober 2018

Diterima: 22 November 2018